

**CADANGAN
PENAMBAHBAIKAN
PILIHAN RAYA**

**DISEDIAKAN OLEH:
PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN PAPAR
SABAH**

ISU/SYOR/CADANGAN

1. Keperluan untuk menghalang daripada parti-parti politik sama ada secara langsung atau melalui badan-badan lain seperti NGO mendapat dana dari luar negara. Larangan ini perlu dinyatakan secara jelas dalam undang-undang berkaitan. Penting untuk mengelakkan campur tangan luar dalam hal ehwal politik khususnya penentuan Kerajaan – Peranan Bank Negara dan agensi berkaitan perlu diperkasakan.

2. Mengawal jumlah parti politik yang wujud di Malaysia dengan mengambil kira jumlah penduduk Malaysia yang layak sebagai pemilih dan faktor mengelakkan perpecahan yang amat besar sekali gus menjejaskan perpaduan negara. Antara elemen pengawalan yang dicadangkan adalah keperluan untuk memiliki aset dan dana pada jumlah tertentu sebagai syarat penubuhan.

ISU/SYOR/CADANGAN

3. Dilaksanakan kajian supaya pendaftaran dan pemantauan parti-parti politik diletakkan secara langsung di bawah SPR dan bukannya di bawah JPPM – memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang berkaitan.

4. Memperkasakan peranan PDRM, SPR dan AG melalui peruntukan peraturan dan undang-undang secara jelas untuk mengekang bentuk kempen yang boleh menjejaskan perpaduan kaum, keselamatan dan ketenteraman awam termasuk mengekang sentimen perkauman melampau, anti persekutuan dan propaganda hak-hak kebebasan tanpa had sehingga membelakangkan undang-undang dan norma serta kebudayaan rakyat Malaysia.

SYOR/ISU/CADANGAN

5. Sekiranya rakyat Malaysia dibenarkan mengundi secara pos atas alasan hak dan beban kos bagi mereka untuk balik, pertimbangan yang serupa seharusnya diberikan kepada rakyat Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Mereka yang berkenaan sewajarnya diberi hak untuk membuat pengundian bagi kawasan asal mereka di negeri masing-masing.

6. Tiada halangan untuk pelantikan secara rasmi Pemerhati Antarabangsa, namun perlu dipilih dari kalangan negara atau NGO dari negara yang terbukti mengamalkan prinsip kebebasan dan hak asasi secara menyeluruh dan bukannya negara yang mengamalkan hak asasi dan kebebasan secara terpilih mengikut agenda mereka. Keutamaan diberikan kepada negara-negara serantau dan mempunyai elemen-elemen kenegaraan yang hampir sama dengan Malaysia.